

13/04/2001

Kelantan wajar buka lebih banyak pusat perniagaan

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan (DPMMNK) menyarankan kerajaan negeri itu membuka lebih banyak kawasan perniagaan sebagai salah satu strategi meningkatkan sumber pendapatan negeri menerusi kutipan cukai.

Ini kerana DPMMNK mendapati masih banyak kawasan tanah strategik terutama di bandar Kota Bharu dan di pusat bandar jajahan lain, sesuai dimajukan pusat perniagaan di samping mengambil langkah memberi galakan atau bekerjasama dengan pemilik tanah persendirian di kawasan bandar untuk memajukan tanah mereka bagi tujuan itu.

Yang Dipertuanya, Nik Abdul Rahman Nik Taib, berkata cara itu secara tidak langsung akan membuka galakan ke arah melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera dan peniaga kecil, sekali gus membantu menjana ekonomi negeri.

"Oleh itu, antara cara terbaik meningkatkan hasil pendapatan kerajaan negeri ialah membuka lebih banyak kawasan dan ruang perniagaan di lokasi dikenal pasti strategik.

"DPMMNK mendapati masih banyak tanah dalam bandar seperti di Kota Bharu sesuai dimajukan kawasan perniagaan yang boleh memberi hasil pendapatan menerusi kutipan pelbagai cukai dan membantu menjana perkembangan ekonomi," katanya selepas sidang akhbar mengenai Konvensyen Industri Kecil dan Sederhana: Persediaan Ke Arah Perdagangan Global Menjelang Afta 2003, pada 25 hingga 28 Mei depan yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kota Bharu, semalam.

Beliau ditanya reaksi DPMMNK mengenai tindakan kerajaan Kelantan sebelum ini mengambil pendekatan menaikkan cukai tanah dan beberapa cukai lain disifatkan usaha meningkatkan hasil pendapatan negeri menerusi pihak berkuasa tempatan.

Sehubungan itu, Nik Abdul Rahman berkata, tindakan menaikkan cukai tanah, bandar dan cukai pintu tidak sesuai ketika ini kerana ia akan membebankan lagi pembayar cukai dalam suasana ekonomi negara masih lembap.

Malah, katanya, kesan turut dirasai peniaga kecil dan perusahaan industri kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera yang masih memerlukan pembelaan.

"Sebarang kenaikan cukai baru akan membebankan pembayar cukai dan peniaga kecil. Kalau mahu tingkatan hasil pendapatan bukan cara menaikkan cukai tapi menggalakkan rakyat berniaga dan membuka lebih banyak kawasan dan ruang perniagaan sesuai dengan sifat dan budaya rakyat Kelantan minat berniaga," katanya.

(END)